

Interpretation of Idea of History in the Framework of Islamic Historiography

Pentafsiran Idea Sejarah dalam Kerangka Historiografi Islam

Azmul Fahimi Kamaruzaman

azmul@ukm.edu.my

Department of Arabic Studies and Islamic Civilization

Faculty of Islamic Studies

Universiti Kebangsaan Malaysia

Norsaeidah Jamaludin

norsaeidah@gmail.com

Department of Arabic Studies and Islamic Civilization

Faculty of Islamic Studies

Universiti Kebangsaan Malaysia

Muhammad Firdaus Hafizi Fauzi

x_sfx9@yahoo.com

Department of Arabic Studies and Islamic Civilization

Faculty of Islamic Studies

Universiti Kebangsaan Malaysia

Article received on 6 January 2014. Article published online on 25 Mac 2015.

Abstract

This article addresses the idea of history being interpreted in the framework of historiography by certain historian. Its focus is to present the conceptual idea of history and the technique of how the historian adopts and synchronizes the idea of history in historiographical writing framework. This discussion employs document and textual analysis method. Document analysis functions in building the idea of history as defined by Ibn Khaldun and Collingwood in *Muqaddimah* and *The Idea of History*. Meanwhile, textual analysis specifically refers to the work *al-Kamil fi al-Tarikh* of Ibn al-Athir as a sample to apply the technique of interpreting the idea of history in Islamic historiography. This discussion finds that there exists a concrete definition proposed by historians such as Ibn Khaldun and Collingwood to build a general conceptual idea of history and develop it into interpretation technique that explains how the idea of history is understood in the context of historical text or work.

Keywords: *Interpretation, idea of history, historiography, philosophy of history*

Abstrak

Artikel ini membincangkan pentafsiran idea sejarah dalam kerangka historiografi sejarawan. Fokus adalah untuk membentangkan konsep idea sejarah dan kaedah bagaimana sejarawan menerap dan mencerakin idea sejarah dalam kerangka penulisan historiografi. Perbincangan mengaplikasi metode analisis dokumen dan teks. Analisis dokumen berfungsi untuk membina definisi idea sejarah menurut Ibn Khaldun dan Collingwood dalam *Muqaddimah* dan *The Idea of History*. Manakala analisis teks merujuk secara khusus kepada karya *al-Kamil fi al-Tarikh* oleh Ibn al-Athir sebagai sampel untuk mengaplikasikan kaedah pentafsiran idea sejarah dalam historiografi Islam. Perbincangan mendapati wujud definisi konkrit daripada sejarawan Ibn Khaldun dan Collingwood bagi membina satu konsep umum idea sejarah dan pengembangannya kepada kaedah pentafsiran yang menjelaskan bagaimana idea sejarah dapat difahami dalam konteks sesebuah teks atau karya sejarah.

Kata Kunci: Pentafsiran, idea sejarah, historiografi, falsafah sejarah

Pendahuluan

Historiografi Islam didasari beberapa aspek dalam menghasilkan sebuah karya terbaik. Pertama menceritakan peristiwa-peristiwa mengikut susunan kronologi tahun (*hawliyyah*) tanpa sebarang ulasan dan kritikan. Kedua menumpukan kepada analisis sejarah, *kenapa* dan *bagaimana* peristiwa berlaku, penyelesaiannya dan kesan peristiwa tersebut (Wan Yahya 1992: vii-viii). Berdasarkan aspek tersebut, para sejarawan bukan hanya berfungsi sebagai pengumpul, pencatat dan penulis maklumat sejarah bahkan mempunyai tugas signifikan untuk menganalisis setiap peristiwa sejarah yang berlaku. Proses analisis menjadikan historiografi Islam bukan sekadar himpunan naratif atau susunan kronologi sejarah semata-mata tetapi merupakan satu karya dan teks sejarah yang dihasilkan mengikut kerangka idea seseorang sejarawan. Idea inilah yang memandu penulisan seseorang sejarawan Islam zaman awal dan pertengahan dalam menghasilkan karya-karya sejarah bermutu. Namun idea yang memandu penulisan seseorang sejarawan ketika menulis karyanya tidak terzhahir secara langsung dalam teks penulisannya. Idea tersebut menjadi aspek dalaman dan epistemologi sejarawan. Namun ketika menulis sejarah, seseorang sejarawan tanpa disedari menterjemahkan idea sejarahnya secara tidak langsung melalui penggunaan istilah bagi judul, pemilihan kuantiti kandungan sejarah dan genre sejarah yang dipilih sebagai kandungan. Petunjuk ini merupakan petanda wujudnya idea sejarah dalam pemikiran seseorang sejarawan yang tidak terzhahir secara jelas dan sistematik dalam karyanya. Ini kerana kebanyakan karya-karya sejarawan Islam pada zaman awal dan pertengahan tidak secara langsung menjelaskan idea sejarah atau falsafah sejarah mereka ketika menulis sejarah kecuali Ibn Khaldun yang muncul dengan karya *Muqaddimah* pada abad ke-14. Lewat kemudiannya sejarawan dari tradisi Barat R.G Collingwood muncul dengan gagasan *The Idea of History* bagi mengesahkan kewujudan konsep idea sejarah dalam pemikiran seseorang sejarawan ketika menulis sejarah. Artikel ini membina konsep idea sejarah menurut garis pemikiran Ibn Khaldun dan Collingwood serta mencerakinkan kaedah bagaimana untuk mentafsirkan idea sejarah dalam karya sejarawan Islam dengan menjadikan Ibn al-Athir dan karyanya *al-Kamil fi al-Tarikh* sebagai model aplikasi.

Pra Syarat Kepada Pentafsiran Sejarah

Untuk sampai kepada pentafsiran idea sejarah, terdapat beberapa prosedur dan prinsip asas ilmu sejarah yang perlu difahami dan diteliti. Tidak syak lagi, sejarawan memperoleh pengetahuan mengenai masa lalu berasaskan sumber atau bukti ditinggalkan oleh para saksi. Pengetahuan sedemikian didefinisikan sebagai pengetahuan tidak langsung (Suntharalingham 1985: 28). Ini dikukuhkan dengan hujah Oakeshott bahawa ciri-ciri awal kajian sejarah adalah suatu penumpuan untuk mengubah suatu jawapan terhadap suatu persoalan sejarah dengan pengaturan suatu rentetan lampau yang terdiri daripada peristiwa berkait yang tidak wujud, berasaskan pentafsiran ke atas bahan dan pernyataan silam yang masih wujud (Oakeshott 1985: 79). Pada tahap permulaannya, penulisan sejarah memerlukan kewujudan bukti. Apabila wujud bukti, barulah pentafsiran boleh dikendalikan dan terhasilnya penulisan sejarah. Bukti atau lebih tepat adalah bahan dan pernyataan silam yang masih wujud (Oakeshott 1985: 79) dan ditinggalkan oleh saksi (Suntharalingam 1985: 28). Bukti sesuatu yang khusus, digunakan bagi menyokong sesuatu pendapat tertentu. Sumber pula merupakan kumpulan bahan-bahan di mana tempat bukti didapati. Selain itu, bahan asas bersifat mentah sebagai sumber pertama dan karya sejarah yang tersusun seperti rencana, disertasi atau buku sebagai sumber kedua. Ini bermakna sumber seperti diari atau memoir yang pernah ditulis sejarawan terdahulu, berita dalam akhbar lama, laporan polis lama semuanya dikategorikan sebagai sumber pertama. Justeru

untuk mengetahui fakta sejarah, perlu kepada penilaian dilakukan sejarawan terhadap sumber seperti laporan akhbar, mendengar penceritaan orang lain, mengendalikannya temu ramah dan sebagainya (Qasim 1995: 60). Apabila ini dilakukan, sejarawan dengan sendirinya berhadapan dengan bukti selain pengamatannya sendiri.

Sumber yang diperolehi hendaklah ditentukan kesahihannya kerana sebarang dokumen rasmi atau tidak rasmi, boleh dipertikai kebenarannya (Clark 1967: 80). Bagi mengelakkan daripada terpedaya dengan kepalsuan sumber, sejarawan perlu bersandar kepada pakar-pakar lain yang dapat membantu dalam mengesahkan bukti (Qasim 1995: 62). Selain itu, kesahan dan keselarasan isi dalam dokumen berkenaan juga perlu ditentukan. Selain kandungan bukti, tempat asal dokumen diperolehi juga menjadi aspek penting untuk diketahui. Jika diperolehi dari tempat asal, masalah kesangsian mungkin tidak timbul. Namun jika sudah berpindah lokasi, perlu diketahui daripada siapa dan kepada siapa dokumen beredar. Dalam fahaman lain, keseluruhan proses transmisi perjalanan dokumen perlu diberi perhatian khusus. Sejarawan juga perlu menentukan sama ada terdapat kerosakan atau kehilangan fakta tentang sesuatu peristiwa sejarah. Ini bertujuan untuk memastikan adakah perkara tersebut berlaku secara sengaja, diatur bagi menggelapkan sesetengah maklumat dan menzahirkan perspektif berbeza atau sebaliknya? (Qasim 1995: 63). Jika dokumen tersebut tidak lengkap, kabur atau rosak, sejarawan perlu membaiki pulih dokumen tersebut. Ketika proses penilaian dokumen, sejarawan perlu memahami keseluruhan konteks sejarah pada zaman tersebut. Sejarawan perlu menapis sumber yang menjadi asas penulisan mereka untuk menjamin maklumat yang diambil daripada sumber tersebut boleh dipertanggungjawabkan (Suntharalingam 1985: 41). Ini bermakna sebarang fakta yang dimuatkan dalam historiografi perlu disahkan oleh sejarawan sendiri dan bukan oleh saksi.

Pemilihan fakta perlu dilakukan berhati-hati kerana impaknya boleh menimbulkan kontroversi. Kramer mengatakan, pengetahuan sejarah boleh diperolehi daripada genre penulisan bukan sejarah seperti kesusasteraan mitos, *hymas* dan madah, meskipun secara zahirnya penulisan tersebut tidak berorientasikan sejarah (Kramer 1963: 38), tetapi di sana sini ia mungkin mendedahkan tanpa sengaja atau secara kebetulan, sedikit pengetahuan sejarah yang tidak dapat diketahui melalui cara lain. Oleh itu, 'andaian', pendefinisian dan kepercayaan memainkan peranan dalam menentukan antara mitos dengan fakta sejarah. Sejarawan amat mementingkan penggunaan sumber sahih dalam penghasilan sesebuah penulisan sejarah. Sumber yang benar dan tepat tentang sesuatu hasil kajian sejarah dapat membuktikan kesahihan sesuatu peristiwa atau kejadian yang telah berlaku pada masa lalu. Ini kerana sumber boleh menjadi punca kepada lahirnya sesuatu pemikiran dan penulisan. Bahan-bahan ini secara langsung atau tidak langsung menjadi rujukan untuk tujuan penyelidikan bagi ahli-ahli sejarah mahupun pengkaji dalam mana-mana disiplin ilmu.

Fakta boleh menjadi sesuatu yang subjektif kerana terhasil daripada proses pemikiran ahli-ahli sejarah (Arba'iyah 2002: 53). Proses ini dilakukan selepas seseorang sejarawan meneliti, mentafsir dan membandingkan sumber-sumber yang digunakan. Penyenaraian fakta sahaja sudah pasti tidak menghasilkan sesuatu memuaskan. Namun begitu, penambahan fakta bagi mendapatkan gambaran lebih menyeluruh juga tidak menyelamatkan sejarawan yang berkenaan daripada kritikan. Apabila kritikan itu dijawab, terheretlah unsur 'andaian' dan pentafsiran dalam historiografi. Ini kerana, setiap historiografi itu dilihat memaparkan pelbagai pandangan sejarawan itu sendiri. Oleh demikian, perbezaan pandangan mencetuskan kritikan yang pelbagai. Ditambah pula dengan kepelbagaian isu yang tidak dapat menjamin kesepakatan pendapat dalam kalangan sejarawan.

Tidak dinafikan terdapat perbezaan pendapat dan tafsiran antara sejarawan. Walau bagaimanapun, terdapat juga peristiwa-peristiwa yang dilihat atau ditafsirkan dalam nada yang sama oleh sejarawan (Qasim 2000: 20). Kesamaan ini berlaku akibat perkongsian terhadap sesuatu elemen atau nilai sejagat. Malah perbezaan bangsa tidak menjamin atau memastikan penghasilan pentafsiran berbeza. Ini kerana perbezaan tafsiran dalam kalangan sejarawan sama ada berlainan bangsa atau sebangsa tetap sukar untuk dielakkan. Sesuatu peristiwa itu adalah fakta. Bagaimanapun, pentafsiran sejarah bukanlah satu fakta. Ia bergantung kepada sudut penglihatan seseorang. Sesuatu fakta akan diulas dan dinilai dari pelbagai sudut pandangan. Bukan bermakna peristiwa yang terjadi adalah palsu. Sudut pandangan ini juga akan berubah dari satu zaman ke satu zaman yang lain kerana bergantung kepada perubahan pemikiran manusia yang menyebabkan pentafsiran terhadap sesuatu juga berubah. Sejarah dahulu perlu diberikan tafsiran memandangkan kepada berbezanya konteks satu zaman dengan satu zaman yang lain dan pengaruh-pengaruh ketika sesuatu penulisan historiografi dibuat.

Kritikan dan perbezaan pendapat bukanlah satu pendirian negatif, tetapi menjadi satu ujian untuk mengesahkan atau menyangkal kebenaran historiografi tertentu. Ia dianggap sebagai satu usaha untuk memastikan ketulenan sesuatu sumber (Suntralingam 1985: 36). Perkembangan dalam kaedah penyelidikan sejarah ini diperluaskan lagi oleh Leopold Von Ranke pada abad ke-19. Kaedah ini disifatkan sebagai *sejarah kritikal* oleh R.G Collingwood kerana menjadikan bidang sejarah setanding dengan pelbagai disiplin ilmu moden lain seperti bidang sains khususnya. Kritikan luar lebih bersifat fizikal ke atas sesuatu sumber atau karya. Perkara ini merangkumi ujian kimia, ujian bahasa, ujian tulisan tangan dan ujian bahan-bahan yang digunakan terdapat dalam dokumen itu. Bagi ujian kimia, dokumen akan diuji keadaan kertas, penggunaan dakwat pena dan cap kerana bahan-bahan ini akan berubah keadaan fizikal mengikut peredaran masa, justeru, pemalsuan dokumen boleh berlaku. Manakala ujian bahasa penting untuk memastikan ketulenan sesuatu dokumen kerana gaya bahasa sentiasa berubah mengikut peredaran zaman daripada segi tatabahasa, ejaan, tanda baca dan sebagainya (Suntralingam 1985: 37). Ujian-ujian ini tidak dilaksanakan sejarawan semata-mata kerana mereka tidak mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tersebut. Sejarawan hanya berperanan mentafsir kebenaran sesuatu sumber atau dokumen itu berdasarkan hasil ujian-ujian tersebut.

Kesulitan untuk mendapatkan fakta tepat dan benar daripada sumber adalah satu perkara yang tipikal dalam sejarah. Hal ini kerana fakta-fakta yang wujud dalam sesuatu sumber adalah nyata dan bisu. Oleh itu, sejarawan perlu meneroka dengan lebih mendalam sumber-sumber tersebut untuk mendapatkan kebenaran yang hakiki tentang sesuatu kejadian. Justeru, lahirlah satu proses dalam penyelidikan sejarah iaitu proses kritikan dalaman yang bertujuan untuk memastikan rasional dan kemunasabahan yang terdapat dalam isi kandungan sesuatu sumber itu (Arba'iyah 2002: 60). Selain itu, proses ini bertujuan untuk menjamin bahawa setiap fakta yang diambil daripada sumber-sumber boleh dipertanggungjawabkan dan disahkan oleh sejarawan (Muhd Yusof 1975: 85). Kesangsian yang terbit dalam pemikiran sejarawan adalah penting terhadap kajiannya kerana terdapat fakta-fakta tersembunyi di sebalik sumber yang nyata itu. Dalam penelitian sesuatu sumber, maksud-maksud tersirat itu perlu dipersoalkan. Sejarawan perlu bijak mengenal pasti tujuan atau latar belakang di sebalik surat atau dokumen atau pengkaryaan. Hal ini penting kerana setiap sejarawan mempunyai pandangan dan tafsiran berbeza tentang suatu kejadian tertentu. Akibatnya terdapat bukti-bukti bercanggah antara satu sejarawan dengan yang lain (Suntralingam 1985: 46). Hal demikian kerana penentu dalam sejarah bukanlah fakta-fakta yang wujud pada sumber itu tetapi pentafsiran sejarawan yang mengkaji sumber dan mengawal fakta tersebut. Hasil kajian sejarawan perlu bersandarkan

kepada ‘apa yang didapatinya betul’ dan bukan ‘apa yang difikirkannya betul’ berdasarkan sumber yang ada (Muhd Yusof 1975: 89). Kritikan sumber bukan sahaja berperanan memastikan kesahihan bukti malah mencari maklumat tambahan yang tersirat pada sumber. Telah ditegaskan bahawa fakta-fakta merupakan entiti-entiti yang wujud secara hakiki dan nyata dalam sumber dan tugas sejarawan ialah memilih dan menjelaskan fakta-fakta tersebut. Justeru, hasil kajian ditentukan oleh sejarawan, bukan daripada sumber. Hasil inilah membentuk satu spektrum dan epistemologi pemikiran dalaman seseorang sejarawan ketika menghasilkan historiografi yang dinamakan juga sebagai idea sejarah.

Konsep Idea Sejarah

Istilah ‘idea sejarah’ mempunyai kaitan dengan istilah ‘falsafah sejarah’. Persoalannya apakah perbezaan dan persamaan tuntas antara keduanya mengikut pandangan para sarjana? Menurut Voltaire, falsafah sejarah bersifat saintifik atau penyelidikan. Falsafah sejarah membolehkan seseorang sejarawan memberikan tafsiran dan tidak mengulang catat himpunan petikan naratif daripada teks-teks sejarah. Manakala Collingwood menjelaskan falsafah sejarah adalah suatu yang mencerminkan pemikiran. Akal filosofi tidak semata-mata memikirkan objek, malah akal juga sentiasa memikirkan hal pemikirannya sendiri mengenai objek tersebut. Oleh demikian, falsafah sejarah meliputi kedua-dua iaitu objek dan pemikiran. Dalam hubungan dengan objek, pemikiran bukan pemikiran semata-mata, tetapi adalah ilmu pengetahuan (Collingwood 1961: 1-2). Berdasarkan definisi falsafah sejarah Voltaire dan Collingwood, jelas menunjukkan falsafah sejarah adalah gabungan dua aspek iaitu falsafah berteraskan akal pemikiran dan sejarah yang berasaskan objek peristiwa berlaku pada masa lalu. Ini bermakna, falsafah sejarah bermaksud keputusan dilakukan seseorang sejarawan untuk mentafsir peristiwa sejarah masa lalu berasaskan akalnya. Definisi ini juga merujuk kepada pemikiran sejarawan dalam mentafsirkan peristiwa sejarah secara saintifik, bersifat penyelidikan dan memerlukan kepada bukti-bukti dipercayai bagi menyokong hujahnya. Kegiatan sejarawan bersandar kepada elemen pemikiran tersebut membentuk istilah ‘idea sejarah’.

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa idea sejarah dan falsafah sejarah mempunyai persamaan tuntas sudut definisi dan tidak mempunyai perbezaan kompleks. Namun idea sejarah juga adalah kaedah diaplikasikan sejarawan untuk mendapatkan maklumat sejarah dan seterusnya menulis dan menyusun sejarah dalam bentuk historiografi. Pasti untuk mencapai kaedah tersebut memerlukan kepada teori tertentu bagi membolehkan kegiatan idea sejarah para sejarawan menyusun historiografi berlaku dengan sempurna. Teori tentang ilmu tersebut dinamakan epistemologi yang berfungsi menentukan keabsahan ilmu berasaskan aspek metode dan sumbernya (Azmul Fahimi 2010: 27). Teori ilmu atau epistemologi yang berasaskan aspek tersebut menjadi landasan, petunjuk dan panduan kepada sejarawan untuk menghasilkan idea sejarahnya dalam sesebuah karya. Tanpa epistemologi mantap dan kukuh, sejarawan tidak akan dapat menghasilkan idea sejarah yang signifikan dalam sesebuah karya sejarah.

Oleh yang demikian, Collingwood mengagaskan dua ciri idea sejarah. Pertama, idea sejarah perlu bercirikan sains atau penyelidikan. Sains merupakan percubaan untuk menjawab sesuatu persoalan. Idea sejarah juga adalah jawapan kepada persoalan untuk mengetahui sebab *kenapa* dan *bagaimana* fakta-fakta dalam sejarah berlaku. Untuk mengetahuinya, sejarawan perlu menggambarkan kembali masa lalu menggunakan akalnya dan berfikir untuk mentafsirkan pemikiran pengarang sejarah itu sendiri. Kedua, fakta yang dicatatkan merupakan tindakan-tindakan oleh watak

sejarah. Tindakan-tindakan tersebut mestilah bersifat kemanusiaan dan logik pada pandangan akal yang waras. Idea sejarah difahami sebagai pemikiran sejarawan dalam menterjemah kembali fakta sejarah tetapi mengikut fahaman masing-masing dengan tidak mengolah fakta sejarah dalam bentuk yang sama dengan sejarawan lain (Collingwood 1961: 282).

Ibn Khaldun pula menjelaskan tentang aspek sumber bagaimana idea sejarah itu diperolehi. Menurut Ibn Khaldun, epistemologi yang wujud dalam diri manusia mempunyai dua sumber, iaitu akal dan wahyu. Menerusi akal, manusia dibezakan dengan binatang yang tidak dianugerahkan akal dan fikiran bagi membezakan sesuatu benda. Beliau mengklasifikasikan ilmu kepada dua, iaitu ilmu diperolehi manusia daripada para Rasul dan ilmu diperolehi berdasarkan proses akal. Ilmu dinamakan *al-'Ulum al-Naqliyyah al-Wadiyyah* (ilmu wahyu), iaitu ilmu yang didapati melalui Rasulullah S.A.W berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dan yang kedua dinamakan *al-'Ulum al-Hikmiyyah al-Falsafiyah* (ilmu falsafah), iaitu ilmu yang diusahakan oleh akal manusia. *Al-'Ulum al-Naqliyyah al-Wadiyyah* adalah berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah. Dalam klasifikasi kedua, iaitu *al-'Ulum al-Hikmiyyah al-Falsafiyah* adalah berdasarkan pengalaman dan pemikiran manusia (Ibn Khaldun 1990: 41) (Mahayudin 2009: 115-116).

Kedua-dua aspek epistemologi tersebut sama ada metode atau sumber, menjelaskan pra-syarat yang perlu ada bagi sejarawan mentafsirkan idea sejarah dalam sesebuah karya. Epistemologi Collingwood bertolak daripada aspek metode yang mencetuskan persoalan *kenapa* dan *bagaimana* bagi membolehkan sejarawan mencari jawapan kepada setiap persoalan dibangkitkan. Jawapan kepada setiap persoalan tersebut menjadikan proses pentafsiran bersifat kritikal, pelbagai dan bervariasi walaupun setiap karya sejarah itu dikaji berulang kali oleh sejarawan berbeza. Manakala pembahagian epistemologi sumber menurut Ibn Khaldun, membolehkan sejarawan mengenal pasti tahap kebenaran sesebuah tafsiran berasaskan dua bentuk epistemologi sumber, sama ada menggunakan sumber wahyu yang pastinya bersifat muktamad atau sumber akal yang lebih longgar dan terbuka. Gabungan kedua-dua epistemologi tersebut memberi kelebihan kepada sejarawan untuk terlebih dahulu menapis dan kemudiannya mentafsirkan idea sejarah secara lebih objektif dan signifikan. Namun apakah bentuk khusus kepada proses dan kaedah pentafsiran tersebut?

Kaedah Pentafsiran Idea Sejarah

Dalam penulisan sejarah, terdapat unsur penting seperti unsur luaran dan juga dalaman. Jika sesuatu karya sejarah itu ditulis dengan hanya melibatkan penceritaan, peristiwa dan fakta sahaja. Maka karya itu hanya bersifat unsur luaran sahaja. Tetapi jika sesebuah karya itu menyentuh perihal aspek dalaman yang zahirnya tidak jelas maka ia mampu menjadikan sesebuah karya itu cemerlang. Unsur dalaman ini merupakan aspek lebih penting daripada fakta seperti tarikh dan nama tokoh kerana ini adalah komponen utama dalam penulisan sejarah. (Qasim 2000: 2).

Meskipun begitu, usaha untuk menyingkap kecemerlangan sesebuah karya sejarah memerlukan proses pentafsiran. Apakah dimaksudkan dengan pentafsiran? Pentafsiran merupakan satu proses gabungan antara 'andaian' dan 'telahan'. Namun begitu kedua-dua aspek tersebut mempunyai makna berbeza dengan pentafsiran. Pentafsiran dikategorikan sebagai proses untuk mengetahui sudut dalaman atau sesuatu yang tidak nyata. Manakala andaian pula merupakan garis, titik tolak dan gagasan digunakan bagi meletakkan pernyataan atau hujah dalam suatu konteks tertentu. 'Andaian' seseorang sejarawan tidak tentu diterima oleh sejarawan lain. 'Andaian' dibuat untuk

mengelakkan sesuatu pernyataan atau hujah sejarah tergantung tanpa landasan tertentu. 'Andaian' juga dibuat bagi mengukuhkan sesuatu hujah atau menekankan sesuatu pendapat. Namun 'andaian' itu tetap mempunyai kesan atau pengaruh ke atas penulisan sejarah (Qasim 2000: 3-4). Walau bagaimanapun, 'andaian' dikatakan 'andaian' kerana tidak dapat dibuktikan betul atau salah. 'Telahan' pula difahami sebagai tekaan. Ia merupakan pernyataan yang tidak diasaskan kepada maklumat sahih seratus peratus (Qasim 2000: 6). Perbezaan antara keduanya adalah pengutaraan 'andaian' melibatkan perkiraan lain yang berunsur atau berlandaskan kepada sesuatu sistem nilai. Sistem nilai berkenaan mungkin berpunca atau berkait dengan pandangan politik, amalan kebudayaan atau kepercayaan agama.

Pentafsiran pula diertikan sebagai pengungkapan menyeluruh diutarakan oleh seseorang sejarawan atau yang terpancar dari hasil penggabungan gambaran tentang masa silam (Qasim 2000: 10-11). Pentafsiran juga merupakan gabungan dan himpunan antara 'andaian' dan 'telahan' bagi membantu melahirkan sesuatu pentafsiran. Ini bermakna 'andaian' dan 'telahan' membantu sejarah menghasilkan satu bentuk pentafsiran. Tanpa keduanya proses pentafsiran sukar dilaksanakan kerana tidak mempunyai maklumat untuk dibuktikan sebagai satu fakta sejarah yang boleh dipercayai benar. Oleh itu, 'andaian', 'telahan' dan pentafsiran perlu dilakukan kerana sejarawan ingin mengetahui selengkap mungkin sejarah yang dikajinya demi mendapatkan iktibar, perbandingan peristiwa dan sebagainya. Fakta yang belum diadun hanyalah bahan mentah semata-mata. Penulisan yang tidak sempurna hanya melibatkan penulisan fakta kaku tanpa pengolahan dan penjelasan ke atasnya. Di sinilah letaknya fungsi rangkaian antara 'andaian' dan 'telahan' bagi menghidupkan fakta tersebut sehingga terhasilnya satu proses pentafsiran sejarah. Oleh itu, penceritaan semula peristiwa sejarah memerlukan pengolahan, penjelasan dan penyusunan kata-kata (Qasim 1995: 65). Sekiranya pengisahan semula peristiwa direngkaskan dan dipadatkan dengan mengetepikan pengolahan, penjelasan yang berteraskan pentafsiran maka tidak akan tercipta sebuah penulisan sejarah yang lengkap tetapi hanya sebuah kronologi peristiwa semata-mata. Dengan itu, dalam sesuatu pentafsiran sejarah, aspek 'andaian' dan 'telahan' memainkan peranan yang besar dalam mewujudkan satu proses pentafsiran yang lengkap dan sempurna.

Menggunakan gabungan aspek 'andaian' dan 'telahan', proses pentafsiran yang digabungkan dengan metode dan sumber epistemologi sistematik seperti digariskan sebelumnya, membolehkan sejarawan memahami bentuk idea sejarah digagaskan seseorang sejarawan dalam karyanya. Tanpa gabungan mantap antara kesemua aspek dan epistemologi tersebut, agak sukar bagi sejarawan menilai bentuk idea sejarah yang wujud. Ini kerana gabungan tersebut adalah neraca penilaian yang mempunyai fungsi khusus. Meskipun 'andaian' dan 'telahan' tidak dapat berfungsi secara bebas, tetapi kedua-dua aspek menyumbang dan melengkap antara satu dengan lain. Himpunan komprehensif rangkaian 'andaian' dan 'telahan' dapat membantu sejarawan melakukan pentafsiran yang sempurna. Himpunan ini sebenarnya adalah satu gugusan maklumat sejarah yang ditapis terlebih dahulu menggunakan metode penilaian terhadap kelogikan maklumatnya. Kelogikan merujuk kepada proses menjawab persoalan *kenapa* dan *bagaimana* maklumat sejarah itu berlaku. Seterusnya tapisan ini dinilai berasaskan neraca epistemologi sumbernya sama ada berteraskan wahyu atau akal. Pada peringkat ini sebarang jawapan tentang fakta sejarah yang diperolehi daripada proses 'andaian', 'telahan' dan pentafsiran jika bertentangan dengan sumber wahyu, maka fakta tersebut perlu ditolak. Manakala jika berlaku pertentangan antara fakta sejarah dengan sumber akal, maka penilaian berasaskan rasional perlu dipertimbangkan.

Pentafsiran Idea Sejarah Ibn al-Athir

Setiap idea sejarah sejarawan itu terkandung pemikiran mereka, untuk mengetahuinya perlu kepada pentafsiran mendalam selain daripada pentafsiran ke atas fakta. Oleh demikian, beberapa kaedah perlu dipertimbangkan untuk membantu kepada pemahaman idea sejarah seseorang sejarawan. Kaedah utama dalam mentafsir idea sejarah sejarawan ialah mentafsirkan etimologi judul karya sejarah sejarawan (Azmul Fahimi 2010: 25-39). Tafsiran dibuat ke atas etimologi judul kemudian merumuskan implikasi idea sejarah terhadap karya. Kefahaman terhadap idea sejarah sejarawan hendaklah dimulakan dengan memahami sudut etimologi judul karya yang dihubungkan dengan aspek istilah daripada segi bahasa dan aspek konsep istilah. Setiap etimologi judul perlu ditafsirkan mengikut istilah bahasa sama ada bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Pengistilahan sudut bahasa adalah dengan tujuan memahami kata dasar sesuatu etimologi untuk dihubungkan dengan kandungan karya. Tafsiran istilah bahasa dibuat dengan menzahirkan makna-makna yang tepat dan bersesuaian dengan etimologi judul. Kefahaman itu membantu kepada perolehan sebab *kenapa* dan *bagaimana* sesuatu etimologi digunakan serta menjurus kepada fahaman idea sejarah sejarawan.

Perkara ini boleh dilihat menerusi historiografi sejarawan seperti Ibn al-Athir. Ibn al-Athir menamakan karya sejarah beliau sebagai *al-Kamil fi al-Tarikh*. Penggunaan frasa *al-Kamil fi al-Tarikh* oleh Ibn al-Athir memberi gambaran awal tentang isi kandungan sejarahnya yang terdiri daripada pelbagai genre sejarah. Justeru itu, kefahaman boleh dibuat dengan penjelasan terhadap dua etimologi berbeza iaitu *al-Kamil* dan *al-Tarikh*. Keseluruhan etimologi perkataan *al-Kamil* mempunyai beberapa perkataan seperti seperti *tamm*, sempurna, lengkap, *perfect* dan *complete*. Manakala istilah *al-Tarikh* pula diertikan haribulan, hikayat, cetera, kisah dan *history*. Secara etimologinya, istilah *al-Kamil* memberi implikasi yang signifikan kepada aspek pemikiran Ibn al-Athir dalam historiografinya. Istilah *al-Kamil* adalah titik tolak kepada pembinaan landasan historiografi Ibn al-Athir berbanding istilah *al-Tarikh* yang lebih bersifat umum.

Untuk memahami konsep istilah dan etimologi, tafsiran kepada pengenalan teks karya adalah contoh paling mudah bagi memahami idea sejarah. Tafsiran tersebut dilakukan untuk melihat paten, petunjuk idea sejarah daripada kenyataan-kenyataan dalam pengenalan teks yang memberi maksud signifikan terhadap historiografi sejarawan. Contohnya, sejarawan Miskawayh (1030M), Ibn al-Athir (1232M) dan Ibn Khaldun (1406M) meletakkan beberapa petunjuk idea sejarah mereka dalam pengenalan teks masing-masing. Petunjuk tersebut adalah berbentuk pengulangan istilah. Penggunaan istilah oleh sejarawan adalah petunjuk yang menggambarkan idea sejarah mereka. Pengulangan tersebut dibuat dengan tujuan menggambarkan prinsip, gagasan dan landasan utama historiografi mereka. Sebagai contoh, Ibn al-Athir tidak mengulang istilah *al-Kamil* tetapi beliau kerap menggunakan istilah *jami'*. Dalam kenyataan beliau: "saya memulakan penulisan sejarah dengan mengumpulkan (*jami'*) maklumat". Istilah *jami'* merujuk etimologi umum memberikan maksud seiring dengan *al-Kamil* iaitu "menghimpunkan keseluruhannya" (Ibn al-Athir 1965, 1: 2). Maksud tersebut menggambarkan usaha kesempurnaan iaitu bertepatan dengan etimologi *al-Kamil* iaitu lengkap dan sempurna. Oleh demikian, proses pengulangan ini memperlihatkan keputusan beliau dalam meletakkan *jami'* mahupun *al-Kamil* sebagai landasan historiografi.

Konsep istilah didapati mulai berkembang dengan adanya kepelbagaian istilah karya digunakan. Jika disoroti dalam historiografi Arab-Islam, kewujudan istilah hampir kepada *al-Kamil* dikesan sebelum kemunculan Ibn al-Athir. Sejarawan al-Maqdisi (1203M), dengan karya *al-Kamal*

fi Ma'rifat al-Rijal (Robinson 2003: 178). Kemudian diikuti oleh al-Mizzi (1341M) dengan judul karya *Tahdhib al-Kamal*, iaitu karya hasil kompilasi karya al-Maqdisi. Perkembangan tersebut dilihat sebagai *trend* pemikiran sejarawan dengan membawa gagasan idea masing-masing berlandaskan etimologi judul. Selain itu, dalam mentafsirkan idea sejarah, sejarawan dapat dihubungkan dengan tempoh penulisannya. Hubungan antara etimologi dengan masa diambil adalah saling berkaitan. Persekitaran, milieu dan konteks sejarawan ketika menulis sejarah memberi kesan terhadap pemikiran mereka. Lazimnya sejarawan mengambil masa panjang untuk menyiapkan karya. Dengan tempoh panjang, sedikit sebanyak mempengaruhi akan penetapan judul karya. Atas faktor masa yang diambil, ia akan mempengaruhi sejarawan untuk menentukan judul karya mereka. Ibn al-Athir antara sejarawan menulis dengan masa yang panjang malah pernah menamatkan seketika penulisannya untuk proses mengemaskinikan maklumat (Mona Joma 1987: 120). Disebabkan tempoh masa penulisan yang panjang tersebut, Ibn al-Athir mempunyai ruang masa untuk menyempurnakan kandungan sejarah beliau. Atas sebab ruang masa dan penyempurnaan yang dicapai itu, menjadikan Ibn al-Athir memilih etimologi *al-Kamil* sebagai istilah yang sesuai dengan usaha tersebut.

Kaedah seterusnya adalah dengan melihat kepada lingkungan zaman sesebuah karya itu ditulis. Di sini akan dapat diketahui lingkungan zaman sejarah itu ditulis mempengaruhi pemikiran sejarawan dan kemudiannya direalisasikan dalam bentuk peletakan judul karya. Kebanyakan sejarawan menulis meliputi zaman awal sehingga sejarah yang hampir dengan hidup mereka. Lingkungan zaman ini menjadi landasan historiografi. Begitu juga dengan aspek politik, ekonomi mahupun sosial pada zaman tertentu turut menjadi elemen penyumbang kepada perkembangan pemikiran sejarawan. Dengan menghubungkan lingkungan zaman dan etimologi, menjelaskan lagi bahawa sejarawan cuba meletakkan idea sejarah mereka berdasarkan ruang lingkup zaman. Sebagaimana Ibn al-Athir, meletakkan idea sejarah beliau berasaskan *al-Kamil* kerana melihat keluasan sejarah yang ditulis memenuhi kriteria etimologi *al-Kamil*. Manakala sejarawan seperti Miskawayh pula berasaskan etimologi *Tajribah* kerana menjurus kepada pengamatan dan pengalaman masyarakat. Sehubungan itu, konsep istilah itu pada hakikatnya adalah gambaran tentang kandungan sejarah dan metode digunakan sejarawan. Melalui judul juga, sejarawan berteorikan idea sejarah mereka dengan satu gambaran yang mendominasi historiografi.

Penutup

Idea sejarah merupakan sudut pemikiran sejarawan yang terselindung dalam karyanya. Setiap sejarawan yang melakukan proses penulisan berasaskan sumber yang benar dan metode yang jelas pasti mempunyai satu idea sejarah yang signifikan dalam karyanya. Kegiatan penyelidikan untuk mengkaji dan memahami idea sejarah dalam karya seseorang sejarawan memerlukan kepada satu proses pentafsiran yang sistematik. Oleh yang demikian, penulisan ini merumuskan dua aspek utama yang menjadi hasil dan dapatan. Pertama, kerangka teoretikal kepada pentafsiran idea sejarah bermula dengan pra-syarat utama iaitu melakukan kritikan luaran dan dalaman terhadap karya sejarah bagi mendapatkan keaslian dan kefahaman tentang konteks kandungan dan sejarahnya. Seterusnya proses pentafsiran bermula dan bertolak daripada kegiatan ‘andaian’ dan ‘telahan’ kepada karya bagi mengumpulkan maklumat rambang dan mentah tentang idea sejarah seseorang sejarawan. Himpunan kedua-dua bentuk ‘andaian’ dan ‘telahan’ ini kemudiannya perlu melalui dua prosedur utama berasaskan epistemologi Ibn Khaldun dan Collingwood iaitu sumber dan metode. Melalui kedua-dua prosedur ini, himpunan ‘andaian’ dan ‘telahan’ dinilai kedudukannya berasaskan sumber wahyu dan akal. Jika terdapat ‘andaian’ dan ‘telahan’ yang bertentangan dengan wahyu maka secara langsung

ia ditolak. Manakala sebarang pertentangan yang wujud dengan sumber akal, maka pertimbangan utama yang diambil kira adalah kerasionalan 'andaian' dan 'telahan' tersebut secara logik. Prosedur tapisan menggunakan sumber menjadi keutamaan dan penentu kepada berlakunya proses seterusnya iaitu epistemologi metode. Pada peringkat metode, himpunan 'andaian' dan 'telahan' dicerakinkan bagi membina rangkaian persoalan tentang idea sejarah dalam karya sejarawan. Proses pembinaan ini perlu bertitik tolak daripada dua persoalan utama yang kritikal iaitu *kenapa* dan *bagaimana*. Pencerakinan ini dapat membina satu rangkaian persoalan yang berkaitan antara satu dengan lain secara tuntas, kritikal dan jelas. Melalui proses epistemologi metode ini, maka lahirlah satu pentafsiran kepada idea sejarah seseorang sejarawan dalam karyanya. Kedua, pentafsiran kepada idea sejarah Ibn al-Athir dalam karya *al-Kamil fi al-Tarikh* mendapati bahawa kaedah pencerakinan terhadap petunjuk utama dalam karya adalah judul teksnya. Penggunaan istilah al-Kamil oleh Ibn al-Athir menunjukkan pergerakan idea sejarah beliau menuju kepada konsep sejarah yang bersifat sempurna dan melengkap. Bagi memenuhi sifat dan ciri kesempurnaan dan melengkap, Ibn al-Athir melakukan usaha pengumpulan maklumat dan fakta sejarah secara menyeluruh meliputi satu zaman pemerintahan dalam sejarah Islam kepada pemerintahan yang lain. Bahkan, trend serta corak idea sejarah dikemukakan Ibn al-Athir mempengaruhi sejarawan lain seperti al-Maqrizi dan al-Mizzi untuk menerapkan idea sejarah yang berkemungkinan sama dengan beliau meskipun berada dalam konteks sejarah berbeza.

Rujukan

- Arba'iyah Mohd Nor. 2002. *Ilmu Sejarah dan Pensejarahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2010. Genesis Tajribah Miskawayh dalam *Tajarib al-Umam. Islamiyyat*. 32: 25-39. Bangi: Fakulti Pengajian Islam.
- Collingwood, R.G. 1961. *The Idea of History*. New York: Oxford University Press.
- Collingwood, R.G. 1985. Terj. Muhd. Yusof Ibrahim. *Idea Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gottschalk, L. 1969. *Understanding History: A Primer of Historical Method*. New York: Alfred A. Knopf.
- Ibn al-Athir. 1965. *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Jil.1. Beirut: Dar Beirut.
- Ibn Khaldun. 1990. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Jil.
- Kitson Clark, G.S.R. 1967. *The Critical Historian*. London: Heinemann.
- Kramer, S.N. 1963. *The Sumerians: Their History, Culture, and Character*. London: The University of Chicago Press Ltd.
- Oakeshott, M. 1985. *On History And Other Essays*. Oxford: Basil Blackwell.

- Mahayudin Yahya. 2009. *Sejarah politik dan sosiobudaya masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mona Joma Hammad. 1987. *Latin and Muslim historiography of the Crusades: a comparative study of William of Tyre and 'Izz al-Din Ibn al-Athir*. Ph.D Thesis University of Pennsylvania.
- Muhd Yusuf Ibrahim. 1975. *Pengertian Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Yusuf Ibrahim. 1985. *Sejarah Intelek Isu dan Masalah*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd.
- Qasim Ahmad. 1995. Sumber, pengesahan fakta dan pentafsiran sejarah. *Isu-Isu Pensejarahan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Qasim Ahmad. 2000. *Karya Sejarah Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- R. Suntharalingam. 1985. *Pengenalan kepada sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robinson, Chase. 2003. *Islamic Historiography*. London: Cambridge University Press.
- Skotheim, R.A. 1969. *The Historian and The Climate of Opinion*. Massachusetts: Addison Wesley Co.
- Stuart Hughes, H. 1958. *The Orientation of European Social Thought*. New York: Vintage Books.
- Wan Yahya Wan Ahmad. 1992. *Pensejarahan Awal Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

About the Authors

Azmul Fahimi Kamaruzaman (Ph.D), is a senior lecturer at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted at azmul@ukm.my.

Norsaeidah Jamaludin (M.A) was a postgraduate student at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at norsaeidah@gmail.com.

Muhammad Firdaus Hafizi Fauzi is currently a postgraduate student at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted at x_sfx9@yahoo.com.